

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

## INDEKS KOS BAHAN BINAAN

SEPTEMBER 2024

**Indeks harga seunit besi mencatatkan penurunan antara negatif 0.6 peratus hingga negatif 5.7 peratus pada September 2024**

**PUTRAJAYA, 10 Oktober 2024** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, SEPTEMBER 2024**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan indeks seunit harga besi merekodkan penurunan antara negatif 0.6 peratus hingga negatif 5.7 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada September 2024 berbanding bulan lepas. Penurunan tertinggi dicatatkan bagi Perak (-5.7%), diikuti dengan Kota Kinabalu (-2.3%) dan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-1.7%).

Tambahan itu, Ketua Perangkawan Malaysia memaklumkan terdapat penurunan dalam indeks harga seunit keratan keluli & logam iaitu dengan peratus penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 2.7 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan tertinggi telah direkodkan di Miri (-2.7%), diikuti dengan Sibu (-2.4%) dan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-1.6%).

Indeks harga seunit pasir pula mencatatkan peningkatan antara 0.5 peratus hingga 1.3 peratus bagi beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia pada September 2024.

Namun begitu kadar kenaikan bagi indeks harga bahan ini adalah lebih rendah berbanding dua bulan sebelumnya. Selain daripada itu, indeks harga seunit simen juga merekodkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 0.9 peratus bagi kebanyakan kawasan pada September 2024 berbanding bulan lepas.

Perbandingan tahunan untuk tempoh September 2023 dan September 2024 pula menunjukkan indeks harga seunit simen merekodkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 2.9 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi dicatatkan bagi kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (2.9%), diikuti dengan Pahang (2.7%) dan Tawau (2.2%).

Selain daripada itu, perbandingan tahunan indeks harga seunit besi pula mencatatkan penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 4.2 peratus pada September 2024 berbanding bulan yang sama tahun lalu bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa purata harga simen (*Ordinary Portland*) mencatatkan penurunan kecil (-0.4%) dengan purata harga RM23.23 per 50 kg sekarung berbanding Ogos 2024 (RM23.33 per 50 kg sekarung). Manakala, purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* merekodkan penurunan (-1.0%) dengan purata harga RM3,667.96 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Ogos 2024: RM3,705.37 bagi setiap tan metrik).

IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia merekodkan penurunan kecil iaitu antara negatif 0.4 peratus hingga 2.3 peratus pada bulan September 2024 berbanding bulan sebelumnya. Penurunan bagi IKB termasuk bar keluli telah dicatatkan bagi hampir semua kategori bangunan kecuali Bangunan Kayu dan Cerucuk Kayu di kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis, Perak dan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 10 Oktober 2024

Namun begitu, terdapat sedikit peningkatan antara 0.1 peratus hingga 0.3 peratus bagi IKB termasuk bar keluli bagi beberapa kategori bangunan bagi Johor dan Pahang.

Selain daripada itu, IKB termasuk bar keluli di Sabah juga turut menunjukkan penurunan iaitu antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 1.1 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kota Kinabalu dan Sandakan. Selain daripada itu, IKB bagi hampir semua kategori bangunan di Tawau pula kekal tidak berubah.

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli di Sarawak pada September 2024 juga mencatatkan penurunan kecil antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.9 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kuching dan Miri. Manakala IKB termasuk bar keluli bagi hampir semua kategori bangunan di Sibu pula mencatatkan peningkatan kecil iaitu antara 0.7 peratus hingga 1.4 peratus.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 10 Oktober 2024

**Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2023 – September 2024**



**Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2023 – September 2024**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
10 OKTOBER 2024**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## BUILDING COST INDEX, MALAYSIA

SEPTEMBER 2024

---

***The unit price index of steel recorded a slight decrease between negative 0.6 per cent to negative 5.7 per cent in September 2024***

**PUTRAJAYA, October 10, 2024** – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, SEPTEMBER 2024**. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that the monthly comparison showed a slight decrease in the unit price index of steel between negative 0.6 per cent to negative 5.7 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in September 2024 as compared to the previous month. The highest decrease was in Perak (-5.7%), followed by Kota Kinabalu (-2.3%) and Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-1.7%).

Additionally, the Chief Statistician of Malaysia also informed that the unit price index of steel & metal sections recorded a decrease between negative 0.1 per cent to negative 2.7 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest decrease was in Miri (-2.7%), followed by Sibu (-2.4%) and Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-1.6%).

The unit price index of sand recorded an increase between 0.5 per cent to 1.3 per cent for several areas in Peninsular Malaysia in September 2024. However, the rate of

**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Thursday, October 10, 2024**

increase for the price index of this material is slightly lower as compared to the previous two months. Apart from that, the unit price index of cement also registered an increase between 0.1 per cent to 0.9 per cent for almost all areas in September 2024 as compared to the previous month.

An annual comparison for the period of September 2023 and September 2024 indicated that the unit price index of cement increased between 0.2 per cent to 2.9 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was recorded in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (2.9%), followed by Pahang (2.7%) and Tawau (2.2%).

Nevertheless, an annual comparison of the unit price index of steel recorded a decrease between negative 0.1 per cent to negative 4.2 per cent in September 2024 as compared to the same month last year for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The Chief Statistician of Malaysia also elaborated that the average price of cement (Ordinary Portland) recorded a marginal decrease (-0.4%) with an average price of RM23.23 per 50 kg bag as compared to August 2024 (RM23.33 per 50 kg bag). The average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars recorded a decrease (-1.0%) with an average price of RM3,667.96 per metric tonne as compared to the previous month (August 2024: RM3,705.37 per metric tonne).

The BCI with steel bars for all building categories recorded a slight decrease between negative 0.4 per cent to negative 2.3 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia in September 2024 compared to the previous month. A decrease in the BCI with steel bars was recorded for almost all building categories except for Timber Buildings and Timber Piling in the several areas of Pulau Pinang, Kedah & Perlis, Perak and Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan.

**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, October 10, 2024

However, there was a slight increase between 0.1 per cent to 0.3 per cent for BCI with steel bars for several building categories in Johor and Pahang.

Apart from that, BCI with steel bars in Sabah also showed a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 1.1 per cent for almost all building categories in Kota Kinabalu and Sandakan. Meanwhile, the index for almost all other building categories in Tawau remained unchanged.

A monthly comparison of BCI with steel bars in Sarawak for September 2024 also registered a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 0.9 per cent for almost all categories of buildings in Kuching and Miri. However, BCI with steel bars for almost all building categories in Sibu showed a slight increase between 0.7 per cent to 1.4 per cent.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75<sup>th</sup> Diamond Jubilee in 2024.

**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, October 10, 2024

**Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2023 – September 2024**



**Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2023 – September 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
10 OCTOBER 2024**